**MANUAL KEYIN KEPUTUSAN**

Login untuk masukkan keputusan

www.jsports.com.my/?????/?????/admin/lg.php

Untuk acara balapan

Username : balapan

Password : (default password ialah **balapan** - boleh ubah di admin)

Untuk acara padang

Username : padang

Password : (default password ialah **padang** - boleh ubah di admin)

## A. UNTUK ACARA BALAPAN

Paparan seperti berikut akan ditunjukkan.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 309 | P 11 | 4 x 100 m | SEPARUH AKHIR | 1 : Masuk Keputusan<br>2 : Masuk Keputusan |
| 310 | P 12 | 4 x 100 m | SEPARUH AKHIR | 1 : Masuk Keputusan<br>2 : Masuk Keputusan |
| 311 | L 11 | 4 x 100 m | SEPARUH AKHIR | 1 : Masuk Keputusan<br>2 : Masuk Keputusan |

Klik pada acara yang berkenaan untuk memasukkan keputusan

Paparan keputusan acara balapan

**Kedudukan** peserta akan dimasukkan secara automatik selepas masa peserta dimasukkan.
Walaubagaimanapun **kedudukan** peserta masih boleh diubah secara manual sebelum klik **Proses**
jika terdapat 2 peserta dengan catatan masa yang sama tetapi penetapan kedudukan secara automatik adalah berbeza.

| Lorong | Nombor | Nama Peserta | Pasukan | Masa | Kedudukan | Status |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | BK2 | NUR AMALIA SYAZWANI BINTI MUHAMAD RIZAL | SKBK | s | - | |
| 2 | SU41 | EMILIA SABRINA BINTI MOKHTAR | SKSU | s | - | |
| 3 | ML20 | WONG ZOH ENG | SJKCML | s | - | |
| 4 | KN7 | ONG HUI XIN | SJKCKN | s | - | |
| 5 | SU40 | NURSYAHIRA QISTINA BINTI SAIFUL NORASHID | SKSU | s | - | |
| 6 | SP17 | CAHAYA ALISA BINTI MASRAT | SKSP | s | - | |
| 7 | BK4 | NUR ALINA SUHADA BINTI MD ALI | SKBK | s | - | |
| 8 | BN2 | SURI NUR IRIZ BINTI RAZALI | SKBN | s | - | |

Klik ☐ untuk proses keputusan Proses

Masukkan masa yang dicatatkan oleh setiap peserta berdasarkan borang keputusan rasmi diruangan Masa.

Jika unit bagi masa adalah **saat**, hanya ada 1 ruang masa sahaja iaitu ruangan saat.

Jika unit bagi masa adalah **minit**, akan ada 2 ruang masa iaitu ruangan minit dan saat.

*<u>Peringatan</u> :*

*Jika masa dalam borang keputusan rasmi dicatatkan dalam unit minit, sedangkan unit dalam sistem adalah saat, bacaan dalam minit tersebut hendaklah ditukarkan kepada unit saat terlebih dahulu. (Kes ini biasanya terjadi untuk acara 400m, 4x100m, 400m Lari Berpagar). Begitu juga jika masa dalam borang keputusan rasmi dicatatkan dalam unit jam, sedangkan unit dalam sistem adalah minit, bacaan dalam jam tersebut hendaklah ditukarkan kepada unit minit terlebih dahulu. (Kes ini biasanya terjadi untuk acara 10000m Jalan Kaki).*

Kedudukan peserta akan dikira secara automatik sebaik sahaja catatan masa peserta dimasukkan. Walaubagaimanapun, jika terdapat catatan masa yang sama bagi 2 atau lebih peserta, kedudukan peserta tersebut adalah tertakluk pada borang keputusan rasmi. Jika kedudukan peserta tersebut berbeza dari yang ditetapkan sistem, kedudukan peserta boleh diubah secara manual dengan menggunakan "*pull-down selection*".

Contoh :

| Lorong | Nombor | Nama Peserta | Pasukan | Masa | Kedudukan | Status |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | | | | | | |
| 2 | SK | SK. SERI KEMAJUAN | SKSK | 57.45 s | 2 | |
| 3 | AH | SK. AYER HITAM | SKAH | 56.23 s | 1 | |
| 4 | BD | SK. BANDAN | SKBD | 60.23 s | 5 | |
| 5 | KN | SJKC KONG NAN | SJKCKN | 61.55 s | 6 | |
| 6 | BL | SK. SERI BULAN | SKBL | 59.41 s | 3 | |
| 7 | BK | SK. BUKIT KUARI | SKBK | 59.41 s | 4 | |
| 8 | ML | SJKC MALAYAN | SJKCML | 65.66 s | 7 | |

Masa untuk peserta lorong 6 dan 7 adalah sama, sistem menetapkan kedudukan peserta lorong 6 no 3 dan lorong 7 no 4. Jika keputusan hakim di dalam borang keputusan rasmi adalah peserta lorong 6 no 4 dan lorong 7 no 3, ubah secara manual kedudukan 2 peserta tersebut.

| Lorong | Nombor | Nama Peserta | Pasukan | Masa | Kedudukan | Status |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | | | | | | |
| 2 | SK | SK. SERI KEMAJUAN | SKSK | 57.45 s | 2 | |
| 3 | AH | SK. AYER HITAM | SKAH | 56.23 s | 1 | |
| 4 | BD | SK. BANDAN | SKBD | 60.23 s | 5 | |
| 5 | KN | SJKC KONG NAN | SJKCKN | 61.55 s | 6 | |
| 6 | BL | SK. SERI BULAN | SKBL | 59.41 s | 4 | |
| 7 | BK | SK. BUKIT KUARI | SKBK | 59.41 s | 3 | |
| 8 | ML | SJKC MALAYAN | SJKCML | 65.66 s | 7 | |

*Perhatian :*

*Jangan ubah lagi catatan masa peserta kerana sistem akan mengira semula kedudukan peserta secara automatik setiap kali pengguna masuk dan keluar (OnExit) dari ruang catatan masa mana-mana peserta.*

Begitu juga jika ada **kes tiada catatan masa, tetapi ada kedudukan**. Contohnya, peserta menamatkan perlumbaan, tetapi disebabkan kekurangan jam atau kekurangan pegawai penjaga masa, tiada catatan masa untuk peserta tersebut. Kedudukan peserta tersebut boleh diisi secara manual, selepas semua catatan masa peserta yang ada dimasukkan.

| Lorong | Nombor | Nama Peserta | Pasukan | Masa | Kedudukan | Status |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | | | | | | |
| 2 | SK | SK. SERI KEMAJUAN | SKSK | s | 6 | |
| 3 | AH | SK. AYER HITAM | SKAH | 56.23 s | 1 | |
| 4 | BD | SK. BANDAN | SKBD | 60.23 s | 4 | |
| 5 | KN | SJKC KONG NAN | SJKCKN | s | - | DQ |
| 6 | BL | SK. SERI BULAN | SKBL | 59.41 s | 2 | |
| 7 | BK | SK. BUKIT KUARI | SKBK | 59.41 s | 3 | |
| 8 | ML | SJKC MALAYAN | SJKCML | s | 5 | |

Contoh di atas menunjukkan peserta kedudukan 5 dan 6 tiada catatan masa, tetapi ada kedudukan. Kedudukan 5 dan 6 dimasukkan secara manual selepas catatan masa kedudukan 1, 2, 3 dan 4 dimasukkan.

Jika kedudukan peserta adalah sama (seri), catatan masa juga hendaklah sama. Kedudukan pada peserta yang seri perlu dimasukkan secara manual.

Ruang **Status** hanya perlu diisi jika berlaku kes-kes berikut :

DQ : Peserta dibatalkan

DNF : Peserta tidak menamatkan perlumbaan

DNS : Peserta tidak memulakan perlumbaan

DNR : Peserta tidak melapor diri di bilik panggilan

Untuk kes-kes ini, ruangan catatan masa hendaklah **dikosongkan**.

Setelah siap dan betul catatan masa dan kedudukan peserta, keputusan boleh diproses.

Klik ☐ untuk proses keputusan [Proses]

Pastikan klik kotak untuk Proses keputusan tersebut.

## B. UNTUK ACARA PADANG

Paparan seperti berikut akan ditunjukkan.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 313 | L 12 | LOMPAT TINGGI | AKHIR | ☐ Ringkas 1 : Masuk Keputusan |
| 314 | P 12 | LOMPAT JAUH | AKHIR | ☐ Ringkas 1 : Masuk Keputusan |
| 315 | P 11 | LONTAR PELURU | AKHIR | ☐ Ringkas 1 : Masuk Keputusan |
| 316 | L 11 | REJAM LEMBING | AKHIR | ☐ Ringkas 1 : Masuk Keputusan |

Terdapat 2 pilihan untuk memasukkan keputusan acara iaitu

- **secara ringkas** iaitu hanya keputusan akhir acara sahaja dimasukkan berdasarkan borang keputusan rasmi.
- **secara detail** iaitu setiap percubaan peserta akan dimasukkan dan kedudukan peserta akan ditentukan secara automatik berdasarkan keputusan cubaan yang dimasukkan.

Jika hendak memasukkan keputusan secara ringkas, klik pada kotak sebelum klik Masuk Keputusan.

AKHIR ☑ Ringkas 1 : Masuk Keputusan

Jika hendak memasukkan keputusan secara detail, klik terus Masuk Keputusan.

## 1. MASUK SECARA RINGKAS

Paparan adalah lebih kurang sama seperti masuk keputusan acara balapan.

| Lorong | Nombor | Nama Peserta | Pasukan | Catatan | Kedudukan | Status |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | ML9 | TAN YONG YAN | SJKCML | m | - | |
| 2 | KD2 | NURUL AMIERA SYUHADA BINTI RAZALI | SKKD | m | - | |
| 3 | ML13 | LANG SHI QING | SJKCML | m | - | |
| 4 | SU46 | FATHIAHNISSA AMNI NURBAZLA BINTI SOSRIZAD | SKSU | m | - | |
| 5 | KD6 | NUR DAMIA QISTINA BINTI MOHD SHARIF | SKKD | m | - | |
| 6 | SK11 | HANA KHALISHA BINTI KHAIRULFAUZI | SKSK | m | - | |
| 7 | AH21 | NUR ANISA QISTINA BINTI MOHD FEISAL | SKAH | m | - | |
| 8 | SJ10 | NUR ALYSA RAUDA BT. ABDUL RAHMAN | SKSJ | m | - | |
| 9 | BK7 | NURUL IZZAH BINTI NORIZAN | SKBK | m | - | |
| 10 | SJ7 | NURFARISHA HANNA BT. AZIZAM | SKSJ | m | - | |
| 11 | SP10 | NUR SYAZLIYANA HANI BINTI SHARUDIN | SKSP | m | - | |
| 12 | SP9 | AINUL SYUHADA BINTI SHAHROL AZLAN | SKSP | m | - | |
| 13 | SU45 | NUR UMAIRAH SYAMINA BINTI IRWANSHAH | SKSU | m | - | |
| 14 | SK13 | NURUL AMNANI BINTI NGADIMAN | SKSK | m | - | |

Masukkan catatan jarak/tinggi terbaik peserta yang dicatatkan oleh setiap peserta berdasarkan borang keputusan rasmi diruangan Catatan. Unit yang digunakan adalah **meter** dan mempunyai 2 titik perpuluhan.

Kedudukan peserta juga adalah secara automatik dan konsepnya adalah sama seperti memasukkan keputusan bagi acara balapan.

*Perhatian : Untuk pusingan **Kelayakan**, tidak boleh masuk secara ringkas kerana pemilihan peserta ke Akhir adalah berdasarkan kepada setiap percubaan peserta.*

## 2. MASUK SECARA DETAIL

### Jarak mengufuk - lompat jauh, lompat kijang, semua acara lontaran

Paparan adalah seperti berikut:

| Giliran | BUTIR BUTIR PESERTA | | | 1 | 2 | 3 | Tiga Percubaan Terbaik | 4 | 5 | 6 | Percubaan Terbaik | Ranking | Set |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Nombor | Nama Peserta | Pasukan | | | | | | | | | | |
| 1 | KD12 | MUHAMMAD HANIF BIN AHMAD | SKKD | | | | - | | | | - | - | r1 |
| 2 | KD13 | MUHAMMAD ADAM FARIS BIN HASIM | SKKD | | | | - | | | | - | - | r2 |
| 3 | SJ1 | MUHAMMAD AQIL DANISH B. MOHD RUDY | SKSJ | | | | - | | | | - | - | r3 |
| 4 | SP5 | MUHAMMAD IZZUDDIN BIN SALEHUDIN | SKSP | | | | - | | | | - | - | r4 |
| 5 | SJ5 | MOHAMAD AMIRUL ADAM B. SAHAK | SKSJ | | | | - | | | | - | - | r5 |
| 6 | PB7 | MUHAMMAD AMAR RITHAUDDIN BIN SUHAIRY | SKPB | | | | - | | | | - | - | r6 |
| | | | | c1 | c2 | c3 | | c4 | c5 | c6 | | | All |

Masukkan catatan jarak bagi setiap percubaan dalam **meter** dan 2 titik perpuluhan.

- Jika batal, masukkan X.
- Jika skip masukkan -
- Tidak perlu masukkan apa2 jika tiada apa2.

Terdapat 3 cara ***save*/simpan**

- Berdasarkan baris : Klik pada butang r(1...n) di sebelah kanan setiap baris peserta. Semua catatan peserta pada baris tersebut akan disimpan.
- Berdasarkan lajur/*column* : Klik pada butang c(1...6) di sebelah bawah setiap lajur percubaan. Semua catatan peserta pada lajur tersebut akan disimpan.
- Semua : Klik pada butang All di sebelah kanan bawah. Semua catatan semua peserta akan disimpan. (*Jangan gunakan jika keputusan dimasukan secara live kerana akan melambatkan sistem*)

Contoh pengisian hingga 3 percubaan.

| Giliran | BUTIR-BUTIR PESERTA | | | 1 | 2 | 3 | Tiga Percubaan Terbaik | 4 | 5 | 6 | Percubaan Terbaik | Ranking | Set |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Nombor | Nama Peserta | Pasukan | | | | | | | | | | |
| 1 | 107 | MOHAMMAD ALIFF AIZAN BIN MOHAMAD KAMAL | HIJAU | 4.92 | 5.36 | 6.04 | 6.04 | | | | 6.04 | 3 | r1 |
| 2 | 106 | MUHAMMAD NOOR ZIKRY BIN NOOR AMINNULLAH | HIJAU | 5.99 | X | 6.31 | 6.31 | | | | 6.31 | 2 | r2 |
| 3 | 076 | AHMAD YAZID BIN KAMAL | BIRU | 5.79 | 5.44 | 5.6 | 5.79 | | | | 5.79 | 5 | r3 |
| 4 | 166 | MUHAMMAD NOR AZIM BIN MD NOR AZAM | KUNING | 5.39 | 5.8 | 5.7 | 5.80 | | | | 5.80 | 4 | r4 |
| 5 | 100 | MUHAMMAD SAIFULLAH BIN AZMI | BIRU | 6.56 | 6.97 | 6.34 | 6.97 | | | | 6.97 | 1 | r5 |
| 6 | 006 | MUHAMMAD AFIQ ZAFRAN BIN ABDUL HAKIM | MERAH | X | 5.15 | X | 5.15 | | | | 5.15 | 7 | r6 |
| 7 | 005 | IMAN BADRISH BIN MOHD RAFAEE | MERAH | 5.35 | 5.41 | 5.21 | 5.41 | | | | 5.41 | 6 | r7 |
| 8 | 165 | MOHAMAD HAZIQ IQWAN BIN REDZUAN | KUNING | 5.1 | 5.07 | 4.93 | 5.10 | | | | 5.10 | 8 | r8 |
| | | | | c1 | c2 | c3 | | c4 | c5 | c6 | | | All |

Percubaan terbaik dan Ranking peserta akan dikira secara automatik.

Pastikan sebelum keputusan diproses, semak catatan percubaan terbaik dan ranking peserta dengan borang keputusan rasmi.

Jika tiada perbezaan, keputusan boleh di proses.

Klik ☐ untuk proses keputusan Proses

**Jarak mencancang - lompat tinggi dan lompat galah**

Paparan adalahseperti berikut :

| MAKLUMAT ACARA | PENAMBAHAN KETINGGIAN |
|---|---|
| Nombor : **106**<br>Acara : **LOMPAT TINGGI**<br>Kelas: **P A** - Peringkat : **AKHIR** | Ubah/Tambah ketinggian 1<br>Tinggi : *Jump Off*<br>Set Tinggi |

| Giliran | BUTIR-BUTIR PESERTA | | | Lompatan Terbaik | Bilangan Kegagalan | Ranking | Set |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Nombor | Nama Peserta | Pasukan | | | | |
| 1 | 098 | DHIA KAMILIA BINTI HAIRULADZAHAR | BIRU | - | 0 | - | r1 |
| 2 | 122 | NUR IZZATI AINAA BINTI MOHD IZHAN | HIJAU | - | 0 | - | r2 |
| 3 | 178 | SITI FATYMA BINTI AZMAN | KUNING | - | 0 | - | r3 |
| 4 | 117 | NUR HAYANI UMAIRAH BINTI MOHD ISMAIL | HIJAU | - | 0 | - | r4 |
| 5 | 012 | NISREEN 'AQILAH BINTI MOHD RADHI | MERAH | - | 0 | - | r5 |
| 6 | 013 | NUR AUNI BATRISYIA BINTI MOHD YAZID | MERAH | - | 0 | - | r6 |
| 7 | 176 | NUR AQILA ALIYAH BINTI HALIP | KUNING | - | 0 | - | r7 |
| 8 | 078 | HYRENE NADTASYA BINTI NORAZAD | BIRU | - | 0 | - | r8 |
| | | | | | | | All |

Setkan ketinggian terlebih dahulu, dalam meter dan 2 titik perpuluhan.

| MAKLUMAT ACARA | PENAMBAHAN KETINGGIAN | MAKLUMAT PESERTA |
|---|---|---|
| Nombor : **106**<br>Acara : **LOMPAT TINGGI**<br>Kelas: **P A** - Peringkat : **AKHIR** | Ubah/Tambah ketinggian 2<br>Tinggi : *Jump Off*<br>Set Tinggi | Peserta 098 DHIA KAMILIA BINTI HAIRULADZAHAR<br>Set Tinggi (1) 1.00 Cubaan 1<br>Lepas Gagal Skip Delete<br>Tambah |

| Giliran | BUTIR BUTIR PESERTA | | | (1) 1.00 | Lompatan Terbaik | Bilangan Kegagalan | Ranking | Set |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Nombor | Nama Peserta | Pasukan | | | | | |
| 1 | 098 | DHIA KAMILIA BINTI HAIRULADZAHAR | BIRU | | - | 0 | - | r1 |
| 2 | 122 | NUR IZZATI AINAA BINTI MOHD IZHAN | HIJAU | | - | 0 | - | r2 |
| 3 | 178 | SITI FATYMA BINTI AZMAN | KUNING | | - | 0 | - | r3 |
| 4 | 117 | NUR HAYANI UMAIRAH BINTI MOHD ISMAIL | HIJAU | | - | 0 | - | r4 |
| 5 | 012 | NISREEN 'AQILAH BINTI MOHD RADHI | MERAH | | - | 0 | - | r5 |
| 6 | 013 | NUR AUNI BATRISYIA BINTI MOHD YAZID | MERAH | | - | 0 | - | r6 |
| 7 | 176 | NUR AQILA ALIYAH BINTI HALIP | KUNING | | - | 0 | - | r7 |
| 8 | 078 | HYRENE NADTASYA BINTI NORAZAD | BIRU | | - | 0 | - | r8 |
| | | | | c1 | | | | All |

Ketinggian yang seterusnya juga boleh dimasukkan, ataupun dimasukkan mengikut kenaikan ketinggian palang (*jika keputusan dimasukkan secara live*). Set ketinggian boleh diubah jika ada kesilapan.

Jika hendak *delete* set ketinggian, klik pada nilai ketinggian yang tersebut. Hanya ketinggian yang paling kanan sahaja yang boleh di*delete*.

Jika berlaku Lompatan Sisih/*Jump Off*, Set Ketinggian hendaklah klik di kotak pada ruangan *JumpOff*.

Catatan percubaan setiap boleh dimasukkan di ruang yang disediakan.

- masukkan O jika lepas, huruf O dan bukan 0 sifar
- masukkan X jika gagal
- masukkan - jika skip
- jika ada 2 percubaan untuk ketinggian, masukkan XO atau XX tanpa space
- jika ada 3 percubaan untuk ketinggian, masukkan XXO atau XXX tanpa space
- jika ada 1 percubaan gagal dan terus skip, masukkan X- tanpa space
- jika ada 2 percubaan gagal dan terus skip, masukkan XX- tanpa space

Terdapat 3 cara ***save*/simpan**

- Berdasarkan baris : Klik pada butang r(1...n) di sebelah kanan setiap baris peserta. Semua catatan peserta pada baris tersebut akan disimpan.
- Berdasarkan lajur/*column* : Klik pada butang c(1...n) di sebelah bawah setiap lajur ketinggian. Semua catatan peserta pada lajur tersebut akan disimpan.
- Semua : Klik pada butang All di sebelah kanan bawah. Semua catatan semua peserta akan disimpan. (*Jangan gunakan jika keputusan dimasukan secara live kerana akan melambatkan sistem*)

Contoh keputusan yang dimasukkan :

| Giliran | BUTIR-BUTIR PESERTA | | | (1) | (2) | (3) | (4) | (5) | Lompatan | Bilangan | Ranking | Set |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Nombor | Nama Peserta | Pasukan | 0.90 | 0.95 | 1.00 | 1.05 | 1.10 | Terbaik | Kegagalan | | |
| 1 | 098 | DHIA KAMILIA BINTI HAIRULADZAHAR | BIRU | O | O | XO | XO | XXX | 1.05 | 2 | 2 | r1 |
| 2 | 122 | NUR IZZATI AINAA BINTI MOHD IZHAN | HIJAU | XO | O | XXX | | | 0.95 | 1 | 4 | r2 |
| 3 | 178 | SITI FATYMA BINTI AZMAN | KUNING | XXX | | | | | - | 0 | - | r3 |
| 4 | 117 | NUR HAYANI UMAIRAH BINTI MOHD ISMAIL | HIJAU | XXX | | | | | - | 0 | - | r4 |
| 5 | 012 | NISREEN 'AQILAH BINTI MOHD RADHI | MERAH | O | O | XO | XXX | | 1 | 1 | 3 | r5 |
| 6 | 013 | NUR AUNI BATRISYIA BINTI MOHD YAZID | MERAH | XXX | | | | | - | 0 | - | r6 |
| 7 | 176 | NUR AQILA ALIYAH BINTI HALIP | KUNING | XXX | | | | | - | 0 | - | r7 |
| 8 | 078 | HYRENE NADTASYA BINTI NORAZAD | BIRU | XO | O | XO | XO | XXO | 1.10 | 5 | 1 | r8 |
| | | | | c1 | c2 | c3 | c4 | c5 | | | | All |

Lompatan terbaik, bilangan kegagalan dan Ranking peserta akan dikira secara automatik.

Pastikan sebelum keputusan diproses, semak catatan percubaan terbaik dan ranking peserta dengan borang keputusan rasmi.

Jika tiada perbezaan, keputusan boleh di proses.

Klik ☐ untuk proses keputusan Proses